

Fatwa Muhyiddin hanya untuk kepentingan politik

Pelbagai pihak
kesal kenyataan
bekas PM boleh
cetus perpecahan

Oleh Mohamed Farid Noh,
Fahmy A Rosli, Mohd
Nasaruddin Parzi dan
Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selepas beberapa kali fatwa politik dikeluarkan sebarang-wenangnya pihak tertentu, terbaru Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, menyatakan 'fatwa' haram memberi undi kepada calon Pakatan Harapan (PH) yang bertanding di Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Pulau, Sabtu ini.

Sebelum ini pun, Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang pada April 1981 melalui Amanat Haji Hadi yang dikatakan mengkafirkan UMNO, sehingga menyaksikan orang Melayu ketika itu berpecah-belah serta didakwa antara penyebab tercetusnya tragedi Mema-li.

Kenyataan Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU pada kempen ceramah PN di Kempas, Johor Bahru, malam kelmarin itu, sekali gus mengundang reaksi pelbagai pihak termasuk ahli politik, mufti dan agamawan yang rata-rata kesal dengan tindakannya itu.

Mereka bimbang 'fatwa haram'

yang dikeluarkan individu kepada kelompok atau pihak tertentu bukan sahaja boleh mencetuskan perpecahan dan perbalahan sesama sendiri, malah melemahkan negara serta pembangunan umat Islam.

Zahid tempelak Muhyiddin

Presiden UMNO yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata fatwa politik dikeluarkan bekas Perdana Menteri itu semata-mata untuk kepentingan politik.

"Ada seorang yang bukan ulama sudah mula keluarkan fatwa politik kononnya undi Suhaizan Kayat haram.

"Saya hendak tanya dengan orang itu (Muhyiddin) ayat al-Quran dari mana? Hadis dari mana? Qias dari mana? Pandangan ijmak ulama dari mana?"

"Ketika beliau (Muhyiddin) menjadi sebahagian daripada PH 1.0 dulu, semuanya halal. Apabila tidak sealiran dengan PH, keluarlah fatwa yang pelbagai," katanya selepas melawat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kempas Permai, di sini, semalam.

Dalam ucapannya, Muhyiddin mengeluarkan 'fatwa' haram untuk memberi satu undi kepada calon PH, Suhaizan Kayat pada PRK Parlimen Pulau.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, cara itu dapat menehtang kekuasaan kerajaan Pusat yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwanya gagal menangani isu ekonomi yang

menghimpit rakyat ketika ini.

Kempen PRK Parlimen Pulau dan DUN Simpang Jeram memasuki minggu kedua dengan parti yang bersaing masing-masing sudah memenuhi segenap kawasan pilihan raya untuk menarik sokongan pengundi kepada calon masing-masing.

Hari mengundi bagi dua kawasan itu akan berlangsung Sabtu ini.

Dalam nada sama, Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin turut menempelak Muhyiddin yang bukan sahaja seorang ahli politik, malah sebagai mufti.

Beliau berkata, lebih baik jangan menganjurkan pilihan raya untuk memilih calon sebagai pemimpin di kawasan masing-masing kerana 'fatwa' yang dikeluarkan oleh Ahli Parlimen Pagoh itu sudah memadai.

"Wah, dialah orang politik, dialah mufti. Lain kali Malaysia bukan sahaja tak payah (laksanakan) pilihan raya, tak payah panggil Parlimen bersidang," katanya menerusi akaun X, semalam.

Pada 24 Ogos lalu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain memberi amaran kepada mana-mana pihak agar tidak menyentuh isu 3R iaitu berkaitan kaum, agama, Raja menjelang PRK Parlimen Pulau dan DUN Simpang Jeram.

Katanya, meskipun pernah memaklumkan hal itu sebelum ini, pihaknya sekali lagi mengingatkan kerana tidak mahu isu berkenaan terus dimainkan.